



RINGKASAN LAPORAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

HARI EKSA DAN SESI GOTONG-ROYONG SIRI I BULAN JUN BIL. 10/2018 JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA NEGERI PERLIS

TARIKH : 08 Jun 2018 (23 Ramadhan 1439H)
MASA : 3.00 petang
TEMPAT : Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Perlis

A. PENDAHULUAN

Hari EKSA DAN Sesi Gotong-Royong mengikut siri ini merupakan aktiviti berkala yang dilaksanakan oleh jabatan ini bagi memperkemaskan lagi persekitaran pejabat agar lebih kondusif, selesa dan selamat untuk digunakan oleh kakitangan di jabatan ini dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Sesi gotong royong pada kali ini juga diadakan bagi membuat persediaan bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Kakitangan yang terlibat dalam gotong royong ini adalah Encik Mohd Asri Bin Khamis, Puan Tuan Pah Zurina Binti Sharih Ahmad, Puan Mazlina Binti Hassan, Cik Siti Nor Rafizouh Binti Hamat, Encik Azli Suhadi Bin Shoib, Encik Ahmad Zamani Bin Ahmad Bustaman, Encik Husaini Bin Kasim dan Puan Siti Noor Ashiekah Binti Hamat.

Sesi gotong-royong ini dijalankan di kaunter dan ruang menunggu pelanggan JPPM Negeri Perlis. Operasi yang dijalankan adalah mengemas, menyusunatur dan menghias di sekitar kaunter dan ruang menunggu pelanggan dengan konsep bertemakan hari raya.

B. OBJEKTIF

- Memupuk semangat kerja secara berkumpulan di kalangan kakitangan.
- Memastikan persekitaran pejabat berada dalam keadaan yang bersih dan selamat
- Ke arah pensijilan semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi tahun 2018
- Mewujudkan suasana kemeriah dan semangat menyambut Hari Raya Aidilfitri antara kakitangan dan pelanggan

Disediakan oleh:

**(Siti Noor Ashiekah Binti Hamat)
Setiausaha EKSA JPPM Negeri Perlis**

GAMBAR-GAMBAR SEMASA GOTONG-ROYONG

